

NO SOALAN : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 31 JULAI 2017
SOALAN : 20**

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) jumlah wang yang sebenarnya dibelanjakan Kerajaan setiap tahun untuk menambah katil baru di hospital-hospital dari tahun 2001; dan
- (b) jumlah katil di hospital-hospital Kerajaan setiap tahun dari tahun 2001, dan adakah bilangan katil hospital Kerajaan memenuhi permintaan penambahan penduduk .

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Penambahan katil baru di hospital-hospital Kerajaan kebanyakannya dilaksanakan melalui pembinaan hospital baru. Sebanyak 23 projek hospital baru telah diluluskan pembinaannya sejak tahun 2009 sehingga kini (Rolling Plan 2, RMK11) dengan jumlah katil sebanyak 3,734 buah. Selain itu, pertambahan katil baru juga dilaksanakan melalui 39 projek naiktaraf hospital sedia ada dengan jumlah katil sebanyak 5,267 buah.

Secara dasarnya, pembelian katil bagi projek-projek yang dinyatakan di atas dilaksanakan bersekali dengan pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan lain apabila projek yang dinyatakan siap. Justeru, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan secara keseluruhannya untuk pembelian ini adalah berjumlah RM60,122,944.00, melibatkan bilangan katil sebanyak 1,300 buah.

Manakala peruntukan bagi pembelian katil baru yang diluluskan bagi tujuan penggantian pula adalah berjumlah RM1,655,500.00 melibatkan bilangan katil sebanyak 183 buah.

- b. Jumlah katil hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah 34,522 pada 2001 dan telah meningkat kepada 41,389 pada tahun 2015. Purata peningkatan tahunan (2001 hingga 2015) ialah sebanyak 457 katil setahun. Dalam menangani keperluan penduduk, kementerian mengambilkira katil yang disediakan oleh pelbagai pihak

misalnya Hospital Universiti Awam, Hospital Angkatan Tentera) dan juga pihak hospital swasta.

Jumlah katil di Malaysia pada tahun 2015 yang meliputi awam dan swasta ialah 60, 625, yang memberi nisbah 1.9 katil bagi 1000 penduduk. Nisbah bagi negara berpendapatan sederhana tinggi (*upper middle income*, dengan izin) ialah 3.2, manakala bagi negara berpendapatan sederhana rendah (*lower middle income*, dengan izin) ialah 2.1.

Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mencapai status negara maju, KKM sedang berusaha untuk menambah bilangan katil secara berperingkat dengan perancangan pembangunan hospital-hospital baru dan menaiktaraf hospital-hospital sediaada di seluruh negara, tertakluk kepada peruntukan pembangunan yang diluluskan kepada kementerian ini.